

MMC-Gamuda JV ambil langkah elak projek landasan dinaiki air

ALOR SETAR: Kontraktor utama Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar, MMC-Gamuda Joint Venture Sdn Bhd (MMC-Gamuda JV) sudah mengambil langkah perlu bagi mengelak berlaku banjir di sepanjang jajaran projek berkenaan di Kedah dan Perlis.

Pengarahnya, Datuk Azmi Mat Nor, berkata pihaknya sentiasa mengambil berat mengenai perkara berkenaan sejak projek itu dimulakan, termasuk menubuhkan Pasukan Tindakan Kecemasan dan Pusat Arahan Kecemasan di Pauh, Perlis dan di sini yang akan beroperasi 24 jam jika banjir melanda kedua-dua negeri berkenaan.

Selain memastikan sistem perparitan di sepanjang jajaran projek diselenggara dengan baik, katanya, syarikat juga sentiasa mengawasi keadaan terutama apabila Jabatan Meteorologi mengeluarkan nasihat mengenai kemungkinan banjir besar akan melanda negeri ini ber-

ikutan perubahan Monsun Timur Laut.

"Kedua-dua pasukan bertindak kecemasan itu yang diketuai jurutera projek akan mengerahkan kira-kira 2,000 kakitangan dan jentera yang ada di Kedah dan Perlis untuk membantu pihak berkuasa menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Azmi berkata, pihaknya sentiasa memantau perkembangan terutama di jajaran projek landasan itu, iaitu di sembilan lokasi kawasan rendah dan berhampiran sungai.

"Di Kedah lokasi kawasan rendah itu, termasuk di Koding, Megat Dewa, Tunjang, Sungai Korok, Anak Bukit dan bandar raya ini, manakala di Perlis ialah Bukit Keteri, Mata Ayer dan Arau," katanya.

Sementara itu, ketika bercakap kepada pemberita di Bukit Mertajam selepas itu, Azmi berkata syarikat berkenaan akan memantau 17 kawasan tanah rendah dan mudah

dilanda banjir di sepanjang jajaran pembinaan projek itu di Pulau Pinang dan Perak.

Katanya, pemantauan rapi kawasan berkenaan adalah antara enam langkah proaktif dilaksanakan bagi mengatasi masalah banjir yang dijangka berlaku berikutan musim hujan yang mula melanda beberapa negeri termasuk di utara Semenanjung.

"Kami juga sudah menyelenggara semua sistem saliran seperti longkang, sungai dan kalvet di jajaran pembinaan landasan supaya tidak tersumbat dengan sampah serta tanah bagi memastikan air dapat mengalir dengan lancar ketika musim hujan," katanya.

Syarikat itu menyediakan talian hotline kecemasan 1-300-80-1999 untuk dihubungi oleh orang ramai yang mempunyai sebarang masalah berkaitan projek berkenaan.

Projek pembinaan landasan ketetapi berkembar sepanjang 330 kilometer itu dijangka siap sepenuhnya pada akhir 2014.

